

Siri Panduan KUALITI  
**BETIK PANJANG**

Jun 06

[www.famaxchange.org](http://www.famaxchange.org)




Buah yang mengalami kecacatan dan rosak.


- Tidak cukup matang, tidak segar, kotor dan terdapat kecacatan rupa yang teruk.



- Rosak disebabkan oleh haiwan perosak, penyakit dan kecederaan mekanikal yang boleh menjadikan jangka hayat, pemakanan dan kualiti.



Cukup matang, kelihatan segar dan bersih.  
Terdapat kecacatan yang minimum dan bebas dari sebarang kerosakan fizikal.



**kualiti yang diterima pasaran**



Cawangan Pembangunan Kualiti & Pengembangan  
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANAH MALAYSIA  
Bogongan FAMA Point, Lot 17304, Jalan Persiaran 1, Bandar Baru Selangor  
48100 Batu Caves, Selangor, Malaysia.  
Tel : 603-6138 9622 Fax : 603-6138 3650 e-mail : fama@pop.moa.my

**BETIK** (*Carica papaya* Linn.) dari keluarga Caricaceae diperlcayai berasal dari kawasan Tropika Amerika. Ia dikendali juga sebagai 'paw-paw' atau 'melon zapote'. Di negara ini, tanaman Betik Panjang banyak didapati di negeri Selangor, Johor dan Perak.

Terdapat beberapa jenis Betik tempatan yang ditanam di negara ini termasuklah jenis Serdang, Honey Dew, Morib, Siliawan, Batu Arang, Subang 6, Taiping 3 dan Sunrise Solo. Saiz, rupa bentuk dan rasa buah juga pelbagai bergantung kepada varieti. Bagaimanapun, pada masa ini 'Betik Sekaki' atau 'Betik Hong Kong' mulai mendapat perhatian terutamanya untuk pasaran eksport kerana beberapa ciri, termasuklah saiz yang sederhana, mempunyai kulit yang licin dan tiada bintik hitam. Isinya pula berwarna oren kemerahan, pejal dan manis (Brix 11-12%). Pokok Betik Panjang juga akan mengeluarkan bunga selepas 6 bulan ditanam.


### kepentingan kualiti

Perubahan gaya hidup dan kehendak pengguna masa kini meningkatkan cabaran kepada pengeluar hasil pertanian untuk mengeluarkan produk yang bukan sahaja menepati kehendak dari aspek fizikal dan citarasa, malah juga selamat untuk dimakan. Selain dibungkus dengan sempurna, hasil pertanian perlu bebas dari sisu baki racun percecah dan memenuhi tahap kualiti fizikal yang dikehendaki pasaran.

Untuk mencapai tahap kualiti ini, Betik perlu dikendalikan dengan sebaiknya bermula dari amalan ladang, pengendalian lepas tualih hingga ke peringkat pemasaran. Betik ditularkan apabila mencapai tahap kematangan yang dikehendaki pasaran yang kebiasaannya lebih kurang 4-5 bulan selepas bunga. Penudukan dilakukan dengan tangan dan sebaik-baiknya pada waktu cuaca agak sejuk untuk mengelakkan kecederaan disebabkan suhu tinggi. Semua perlakuan penyediaan termasuklah pemilihan buah, membersih, rawatan air panas, rawatan kulit, pengelingan dan menggred perlu dilakukan dengan cermat terutama untuk tujuan eksport. Buah betik dapat dikekalkan kualitiinya sehingga 2-3 minggu jika disimpan pada suhu 10-12°C.


### indeks kematangan

Tahap kematangan Betik Panjang dibahagikan kepada enam (6) indeks berikut :



Indeks 1

Belum matang. Seluruh permukaan kulit berwarna hijau sepenuhnya. Belum matang dan tidak akan masak dengan sempurna. Sesuai untuk pembuatan jeruk dan dijadikan sayur.



Indeks 2

Buah matang. Permukaan kulit berwarna hijau dengan sedikit tumpok kekuningan. Sesuai untuk pasaran eksport terutama melalui pengangkutan laut.




Indeks 3

Permukaan kulit berwarna hijau melebihi permukaan yang berwarna kuning. Sesuai untuk pasaran eksport terutama melalui pengangkutan udara.



Indeks 4

Masak. Permukaan kulit berwarna kuning melebihi permukaan yang berwarna hijau. Buah telah masak dan hanya sesuai untuk pasaran tempatan.



Indeks 5

Seluruh permukaan kulit berwarna kuning dengan sedikit tumpok hijau. Buah telah masak dan sesuai untuk pasaran tempatan. Peringkat terbaik untuk dimakan segar.

### pengelasan gred

Betik Panjang dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada ciri-ciri gred seperti jadual berikut :

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran (Maksimum)
Premium	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerusakan.	Kematangan ≤5% Segar ≤5% Rosak ≤3% Kecacatan ≤5% Keeragaman saiz ≤5%
1	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerusakan.	Kematangan ≤5% Segar ≤5% Rosak ≤5% Kecacatan ≤5% Keeragaman saiz ≤10%
2	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerusakan.	Kematangan ≤10% Segar ≤10% Rosak ≤10% Kecacatan ≤10% Keeragaman saiz ≤10%

### pengelasan saiz

Bagi Betik Panjang, saiz ditentukan oleh berat dalam unit gram (g) seperti mana jadual berikut :

Saiz	Kod	Berat (g)
Lebih Besar	XL	>2000
Besar	L	1601 - 2000
Sedang	M	1201 - 1600
Kecil	S	800 - 1200